

LAPORAN PERTANDINGAN KEMAHIRAN POLITEKNIK KPM 2015 (POLYSKILLS)

PERTANDINGAN KEMAHIRAN POLITEKNIK KPM 2015 (POLYSKILLS) yang telah berlangsung dari 17 Mac 2015 hingga 20 Mac 2015 di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan menyaksikan penyertaan dari Politeknik seluruh Malaysia. Pertandingan ini melibatkan 9 kategori, antaranya Mechanical Engineering - CAD, Electronics, Geomatic Competition, Welding, Mechatronics, Electrical Installation, Decorative Painting, Stenography dan Brick Laying.

Bagi **Kategori Stenography**, sebanyak lima (5) politeknik yang bertanding iaitu Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Kuantan), Politeknik Sultan Idris Shah (Selangor), Politeknik Mersing Johor (Johor), Politeknik Port Dickson (Negeri Sembilan) dan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (Perlis), yang mana keseluruhannya disertai oleh 18 orang peserta

Penyertaan dari Politeknik Sultan Idris Shah diwakili tiga (3) orang pelajar dari Jabatan Perdagangan dengan diiringi oleh Cik Nurul Azzalyana binti Norman. Pelajar-pelajar tersebut adalah:

- **Haziq Asri bin Roslee (DSK6B)**
- **Nur Azyan Raihan bt Abd Aziz (DSK6A)**
- **Nazatul Najwa bt Mat Salim (DSK5C)**

Dalam pertandingan tersebut, **PSIS Berjaya** menggondol **TEMPAT KEDUA** bagi kategori Stenography yang dimenangi oleh **Saudara Haziq Asri bin Roslee (DSK6B)**.

Beliau membawa pulang Sijil Penyertaan, Sijil Penghargaan, Pingat dan cenderamata.

Semoga kemenangan Saudara Haziq memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar Jabatan Perdagangan, khususnya dari Diploma Sains Kesetiausahaan untuk terus memperjuangkan dan memanfaatkan ilmu yang diperoleh di samping bergiat aktif dan cemerlang di politeknik dalam bidang akademik mahupun bukan akademik.

Kemenangan beliau juga diharap menjadi pendorong kepada pelajar lelaki dari Program DSK agar lebih bersemangat dalam bersaing secara sihat dalam program yang dimonopoli oleh pelajar perempuan ini.

Sekian.





